

22/09/1998

Memperkasa semangat merdeka rakyat

Abd Halim Abu Bakar

SELEPAS 41 tahun merdeka, Malaysia membangun dan mampu bersaing, hasil kepemimpinan negara yang cemerlang. Mengikut kamus Dewan Bahasa, merdeka didefinisikan sebagai bebas daripada penjajahan, kurungan dan naungan. Makna lain ialah berdiri sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain.

Perkataan merdeka digunakan untuk menyatakan sesebuah negara bebas daripada penjajahan dan penguasaan pihak yang menjajah. Menurut perspektif Islam, maksud kemerdekaan yang sebenarnya lebih luas iaitu bebas daripada penjajahan fizikal, fikiran, pegangan dan anutan yang bertentangan dengan Islam yang sebelum itu membelenggu individu atau negara.

Malaysia pernah disifatkan sebagai jaguh negara dunia ketiga. Ia juga dianggap negara contoh yang meletakkan Islam di segenap aspek sama ada pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan perundangan. Ini diakui sendiri oleh negara-negara Islam lain dan yang terbaru iaitu perakuan Sheikh AI-Azhar, Dr Muhammad Sayyed Tantawi ketika melawat Malaysia, baru-baru ini. Beliau amat kagum dengan pembangunan yang begitu pesat di negara ini dan memuji rakyat negara ini yang sentiasa berlumba-lumba ke arah itu. Bagaimanapun, rakyat harus sedar terhadap cabaran mendatang. Musuh-musuh Islam sentiasa berusaha mencari dan menggunakan setiap peluang yang ada untuk memusnahkan segala kejayaan yang ada.

Malaysia sentiasa dicemburui negara Barat yang tidak mahu melihat sebuah negara Islam maju dan boleh mengancam kedudukan mereka sebagai sebuah kuasa ekonomi dunia. Kelantangan barisan pimpinan negara bersuara terhadap isu antarabangsa yang menyentuh soal kemanusiaan, alam sekitar dan ekonomi tidak adil yang didalangi pihak Barat menyebabkan Malaysia sentiasa dikritik dan diancam dalam bentuk manipulasi ekonomi.

Malaysia kini benar-benar bebas melaksanakan perubahan dan pembaharuan untuk kemajuan sendiri. Walaupun pelbagai usaha pemulihan ekonomi yang dilaksanakan sekarang namun spekulator Barat terus mengancam kedudukan ekonomi Malaysia. Atas semangat merdeka, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengatakan Malaysia tidak akan merayu untuk mendapatkan pinjaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Pendirian kerajaan ini memperlihatkan ketahanan dan kemampuan Malaysia menghadapi era kemajuan ekonominya menyaingi negara maju tanpa bergantung harap kepada mana-mana pihak kerana asas ekonominya yang kukuh.

Negara Barat terutama Amerika Syarikat yang terkenal dengan keangkuhannya kerana mengangap mereka sebagai kuasa besar boleh menekan dan menyekat mana-mana negara.

Sistem yang berlandaskan kepada cita-cita penjajahan dan sewenang-wenangnya menaja Orde Baru Dunia sengaja diatur bagi memenuhi kepentingan Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Walaupun konsep idea Orde Baru Dunia yang cuba diketengahkan bekas Presiden Amerika Syarikat, George Bush, sendiri sebenarnya adalah kabur, namun idea itu bukanlah suatu impian baru Amerika. Malah, pada zaman Woodrow Wilson (1917) Amerika sudah lama mempelopori idea itu, dengan cita-cita supaya dunia berada di bawah telunjuknya.

Konsep 'pecah dan perintah' mereka jauh lebih berbeza dengan apa yang dipesan oleh Rasulullah kepada bala tenteranya sebelum pergi ke medan perang: "Janganlah kamu membuat khianat melewati batas dan suka menyiksa mayat. Janganlah kamu membunuh wanita, kanak-kanak dan orang tua. Janganlah kamu menebang pokok yang sedang berbuah, membunuh haiwan kecuali untuk keperluan makanan. Janganlah kamu mengejar musuh yang lari dan

janganlah membunuh orang yang luka, kamu juga akan menimpai suatu kaum sebagai rahib dan pendita yang tinggal di kuil dan gereja mereka. Maka biarkan mereka dengan apa yang mereka lakukan."

Rakyat harus menyedari bahawa, kemajuan negara banyak bergantung kepada kesungguhan mereka sendiri menjayakan cita-cita kerajaan mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan rakyat harus sanggup berusaha lebih gigih. Malaysia harus punya identiti sendiri untuk ditunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia akan menjadi maju dari segi ekonomi dan di masa yang sama negara ini akan mempunyai warga negara yang berkualiti dan menghayati satu set nilai universal yang memungkinkan kewujudan warga negara yang maju dalam bidang kerohanian dan kejiwaan.

Menyorot kembali sejarah perjuangan umat menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu pada pertengahan abad lalu, tentulah kita tidak boleh mengabaikan atau mengetepikan sejarah perjuangan orang Melayu yang telah merelakan jiwa raga mereka berhadapan dengan Inggeris menuntut kesempurnaan hak yang sepatutnya dimiliki umat Tanah Melayu sendiri.

Atas dasar agama dan cintakan tanah air, perjuangan mereka membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajahan sepatutnya diteladani oleh generasi kini untuk meneruskan kesinambungan agenda pembangunan negara menuju kejayaan pada masa depan.

Kemakmuran dan keamanan yang dikecapi kini adalah asas penting mencapai matlamat yang dicita-citakan. Perpaduan antara kaum yang sedia terjalin di kalangan penduduk berbilang bangsa dan agama di negara ini adalah aspek utama bagi menjamin kestabilan politik dan keselamatan negara.

Perpaduan kaum adalah satu realiti yang harus kita hadapi dalam konteks negara bagi membentuk satu bangsa dan negara yang maju. Sesungguhnya, berasaskan sejarah Nabi Muhammad SAW dan kewujudan negara Islam pertama di Madinah, menjadi bukti kukuh bahawa kepentingan umat Islam dan pembinaan tamadun dunia adil adalah berasaskan nilai dan kerukunan Islam yang menggabungkan kewujudan masyarakat bukan Islam yang berbilang agama dan bangsa. Kenyataan ini harus dihargai masyarakat Islam supaya anggapan bahawa dunia Islam tidak dilihat memaksa setiap orang menerima Islam.

Rakyat sungguh bernasib baik kerana walaupun negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, namun keamanan dan kestabilan negara sentiasa terjamin. Kestabilan politik yang wujud membolehkan negara terus membangun, sekali gus faedahnya dinikmati bersama oleh semua kaum tanpa ada yang tercicir. Berbanding dengan beberapa negara lain yang ditimpa malang akibat perbalahan antara kaum, Malaysia akan terus maju jika keadaan sekarang kekal. Di beberapa negara lain, rakyat menderita akibat persengketaan kaum yang kerap kali menyebabkan pembunuhan kejam serta kebuluran akibat kekurangan makanan.

Di Bosnia Herzegovina, umpamanya, kekejaman yang dilakukan penganas Serb ke atas penduduknya adalah di luar batasan kemanusiaan. Kebebasan rakyat Bosnia sebelum ini hancur dan terpaksa membina semula segala kemusnahan selepas perang tamat. Sekarang ini rakyat Kosovo pula menghadapi peristiwa yang serupa.

Rakyat sepatutnya mengambil pengajaran daripada kejadian yang berlaku dengan meningkatkan ikatan perpaduan, penyatuan persefahaman dan menjalin kerjasama di kalangan masyarakat. Kebanggaan rakyat hari ini diasaskan lagi oleh pengiktirafan dunia luar yang berminat datang ke sini untuk mempelajari bagaimana Malaysia membangunkan ekonomi dan menyatupadukan rakyat berbilang kaum yang begitu berjaya.

Dalam meningkatkan imej Islam pula, menurut Dr Muhammad Sayyed Tantawi, pemahaman terhadap ajaran Islam yang mengutamakan kesederhanaan, penguasaan ilmu dan kerjasama ikhlas untuk kebaikan, adalah antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam usaha meningkatkan imej Islam. Beliau meminta umat Islam berlumba-lumba mengejar kemajuan dan memakmurkan bumi

bagi membawa kebaikan kepada masyarakat. Namun berdasarkan tinjauannya, perkembangan dan kemajuan yang dicapai umat Islam di negara ini adalah berasaskan nilai Islam untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

(END)